

# ISLAM: BAWASI BAHAYA

ALOR SETAR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam di Malaysia berwaspada terhadap golongan yang berusaha memisahkan mereka dari ajaran Islam keseluruhannya.

"Usaha ini sudah berjalan, sedang dilakukan dan akan terus dilakukan di negara ini," katanya.

"Sudah terjadi di beberapa negara luar, Islam kini tinggal sebagai agama purba dan masjid mereka dijadikan muzium untuk barang purba.

"Jadi kita harus berhati-hati dan meneliti sama ada kita menuju ke arah itu sekarang kerana kemungkinan

Oleh RUHANIE HAJI AHMAD

memang ada.

"Jangan kita fikir, kita tidak mungkin jadi begitu. Kemungkinannya ada jika kita tidak meningkatkan pengetahuan Islam, ataupun kerana kepentingan lain, kita menyalahfafsirkan Islam untuk kepentingan tersebut," katanya.

Perdana Menteri menghuraikan masalah ini dengan panjang lebar sewaktu merasmikan kursus untuk 500 pemimpin agama termasuk imam, kadi dan guru-guru Islam di Jitra di sini.

Menurutnya, Islam juga mungkin dipisahkan dari keseluruhan penganutnya

di Malaysia sekiranya mereka tidak hidup dalam rukun dan damai, tidak berusaha mencari nafkah yang halal dan tidak menuntut ilmu sewajarnya untuk kelesasan hidup sehingga mereka menjadi mundur.

Kedua-dua demikian, tambahnya, akan menjadikan umat Islam sendiri berpendapat bahawa Islam tidak memberi sebarang manfaat kepada mereka.

"Oleh kerana itu, kepercayaan mereka terhadap Islam menjadi tipis dan sudah tentu sedikit demi sedikit, mungkin mereka terpisah dari Islam.

"Sebab itulah kita ingin melihat pengetahuan Islam ditingkatkan dan didalam oleh umat Islam, pemimpin dalam agama Islam dan kalangan cerdik pandai yang membuat pengkhususan di bidang tersebut di negara ini," katanya.

## Kekeliruan

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, umat Islam di Malaysia seharusnya tahu untuk mengaitkan Islam dengan suasana dan keadaan sekelilingnya kerana Islam bukan agama yang beku atau terasing dari cara hidup seharian.

"Kalau kita tidak tahu mengaitkan Islam dengan perubahan yang pesat dan cepat, maka kekeliruan akan timbul dan mungkin juga ke-

percayaan kita terhadap Islam akan berkurangan. "Kalau kita membiarkan umat Islam kagum dan terpengaruh dengan perkembangan di sekeliling mereka tanpa pengetahuan Islam yang dipertingkatkan, mungkin iman mereka juga akan tergugat dan akidah mereka akan hilang.

"Sebab itulah kita mesti mengetahui cara mengaitkan Islam dengan perkembangan dan perubahan sekelilingnya, dapat kita memberi panduan kepada umat Islam dalam menghadapi cabaran dari perubahan sekelilingnya," katanya.

Katanya, mungkin kita berpendapat orang Islam tidak mudah terpengaruh dengan ajaran dan fahaman asing. Tetapi tidak wajar pula kita anggap perkara itu sebagai mustahil.

Bellau kemudian menegaskan, menjadi dasar kerajaan untuk memastikan keinggian syiar Islam di negara ini supaya agama suci itu tidak dicemari kerana kekurangan pengetahuan.

"Hari ini kita bebas untuk mengamalkan ajaran Islam, bebas untuk berakhlak dan bebas untuk bergerak sebagai umat Islam.

"Kita mungkin berpendapat, kebebasan itu wujud dengan sendiri. Tetapi kita juga harus menyedari, tanpa perlindungan dari sebuah kerajaan yang berpembi dengan kita, kebebasan itu tidak mungkin tercapai.

"Sebab itulah kerajaan berpendapat, kerajaan juga mempunyai peranan besar dalam menentukan Islam berkembang dengan pesat.

"Kita tahu, sejak merdeka, perkembangan Islam amatlah menggalakkan sehingga kita hari ini mempunyai ramai tokoh agama ramai, di peringkat kampung hingga ke peringkat antarabangsa."



PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membalas tabik hormat dari satu perbarisan terdiri dari kadet polis, kadet tentera,

perubahan sukarela dan anggota parti komponen Barisan Nasional di Pantai Merdeka, Kuala Muda, Kedah, kelmarin.